

BAB LIMA

PEMBANGUNAN UMUM

5.0 Pengenalan

Pada dasarnya erti pembangunan yang sebenar merujuk kepada peningkatan taraf hidup yang dinikmati oleh masyarakat hasil dari perlaksanaan program pembangunan. Peningkatan taraf hidup ini bukan sekadar merujuk kepada pembangunan dirancang malah termasuk pembangunan umum atau pembangunan wilayah. Namun persoalan yang sering menjadi tandatanya ialah sejauh manakah perlaksanaan program pembangunan berjaya meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Pembangunan umum atau pembangunan wilayah merujuk kepada aktiviti yang dilakukan untuk memajukan sesuatu kawasan dengan menyediakan berbagai kemudahan. Di bawah program pembangunan umum ini, perbincangan akan ditumpukan kepada aspek-aspek berhubung dengan penyediaan kemudahan prasarana yang meliputi sistem jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air bersih, kemudahan telefon dan sebagainya.

Di samping melihat apakah program pembangunan yang telah dilaksanakan, kita tidak seharusnya lupa untuk menilai kesan yang diterima oleh komuniti Jakun dalam jangka masa panjang.

5.1 Pembangunan Setempat

Proses perubahan tidak berlaku secara bersendirian, sebaliknya ia dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran. Di antara faktor yang menjurus kearah perubahan seperti teknologi, pengetahuan (Eisenstadt 1973), pendidikan, pembangunan, ekonomi, dan pendedahan. Setiap masyarakat mengalami tahap perubahan yang berbeza-beza berdasarkan skop, dimensi, dan kepentingan (Eisenstadt 1973).

Berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan di atas, faktor pembangunan setempat berperanan penting dan ia telah memperlihatkan satu bentuk perbezaan yang ketara di antara Kampung Langkap, dan Kampung Batu Tiga.

Kampung Batu Tiga dilengkapi dengan kemudahan prasarana yang membolehkan mereka mengecapi nikmat pembangunan. Rumah-rumah penduduk di sini kebanyakannya diterangi dengan sinaran cahaya lampu. Mereka juga boleh menonton televisyen, dan mendengar radio. Sementara kemudahan sistem pengangkutan dan sistem jalan raya yang baik membantu memudahkan mereka berulang alik ke tempat kerja, ke Bandar Rompin, dan mengunjungi saudara-mara. Lingkungan perhubungan dan interaksi penduduk di sini dengan masyarakat sekitar menjadi lebih luas dengan adanya kemudahan ini. Keadaan ini ditambah lagi dengan adanya

kenderaan sendiri seperti kereta, motosikal, dan basikal.

Kemudahan Dewan Serba Guna juga turut dibina di Kampung ini dengan tujuan menyediakan kemudahan untuk sebarang aktiviti kemasyarakatan. Pembinaan Dewan Serbaguna ini dibiayai oleh Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan kemudahan kebajikan dan rohaniah di perkampungan Orang Asli. Ia berbentuk dua tingkat dengan bahagian atas berfungsi sebagai surau, dan bahagian bawahnya untuk tujuan pelbagai guna. Secara umumnya dewan ini digunakan untuk aktiviti-aktiviti berikut;

- i. Surau tempat bersembahyang.
- ii. Kelas sosial seperti kelas masakan, dan jahitan.
- iii. Kelas dewasa.
- iv. Tempat menagadakan majlis perkahwinan.
- v. Tempat perjumpaan masyarakat kampung.
- vi. Kelas bimbingan kanak-kanak.
- vii. Lain-lain aktiviti yang difikirkan munasabah.

Sehingga tahun 1994 terdapat 7 buah Dewan Serbaguna yang telah didirikan di perkampungan Orang Asli. Kampung-kampung tersebut meliputi Kampung Batu Tiga, Kampung Kerpal, Kampung Batu Lapan, Kampung Gadak, Kampung Bukit Serdang, RPS Bukit Serok, dan RPS Buluh Nipis.

Struktur dan corak pentadbiran kampung juga turut

mengalami perubahan kesan pembinaan dan penggunaan dewan ini. Dewan ini dijadikan tempat berkumpul, berbincang, dan tempat bermesyuarat bagi penduduk setempat. Di samping itu dewan ini turut dijadikan kelas bimbingan pra sekolah atau tadika yang dikelolakan oleh pihak KEMAS.

Faktor kedudukan kampung yang terletak disepanjang jalan utama, dan berhampiran dengan Bandar Rompin turut menjadi penyebab kepada perbezaan pembangunan setempat yang amat ketara. Segala bentuk kemudahan dan program pembangunan lebih mudah disalurkan kepada mereka. Di samping itu mereka turut berpeluang menikmati bentuk-bentuk program pembangunan yang tidak dirancang khusus kepada mereka.

Masyarakat di Batu Tiga juga lebih terdedah dengan segala unsur yang membawa kepada perubahan di samping lingkungan perhubungan dengan masyarakat bukan Orang Asli yang jauh lebih luas. Perhubungan mereka dengan masyarakat luar meliputi aspek ekonomi, sosial, dan politik.

Keadaan di Kampung Langkap begitu berbeza kerana tidak wujud bentuk-bentuk pembangunan setempat seperti di Batu Tiga. Di kampung ini tidak ada sebarang kemudahan prasarana baik bekalan air bersih, atau bekalan elektrik. Ia dihubungkan dengan masyarakat luar menerusi sebatang jalan raya yang tidak berturap. Penduduk setempat juga tidak

mempunyai kenderaan sendiri, dan keadaan ini menghadkan perhubungan mereka dengan dunia luar.

Kedudukan kawasan perkampungan ini yang jauh dari jalan raya dan jauh dari pejabat pentadbiran JHEOA mengakibatkan mereka kurang diberi perhatian. Kanak-kanak di sini tidak berpeluang mendapat pendidikan, apa lagi pendidikan pra sekolah yang boleh dikatakan mustahil bagi mereka sehingga kini. Tiada sebarang bentuk bangunan yang bakal berfungsi sebagai Dewan Serba Guna yang boleh digunakan untuk tujuan aktiviti kemasyarakatan.

Bentuk perhubungan mereka dengan masyarakat Orang Asli dari kampung-kampung lain juga amat terbatas, apa lagi masyarakat luar. Ketiadaan unsur-unsur ini amat mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, dan sosial anggota komuniti di Kampung Langkap. Mereka kelihatan jauh ditinggalkan oleh pembangunan, dan tidak berupaya mengejar pembangunan.

5.2 Prasarana

Kemudahan prasarana yang lengkap menjadi strategi penting dalam membentuk pembangunan sesuatu masyarakat. Oleh itu dalam usaha membangunkan masyarakat pihak perancang program pembangunan seharusnya mendahului program

dengan menyediakan kemudahan prasarana.

Prasarana yang lengkap merujuk kepada kemudahan jalan raya, bekalan elektrik, dan air bersih. Prasarana yang lengkap berupaya membentuk kualiti hidup yang lebih baik dan memenuhi matlamat pembangunan.

Terdapat perbezaan yang nyata di antara kawasan yang mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap dan kawasan yang tidak dilengkapi dengan kemudahan ini. Pembangunan warga pribumi berkait rapat dengan pembangunan prasarana, contohnya di pendalaman Sarawak pembangunannya dihalang oleh masalah pengangkutan (Tan 1993). Dalam kes ini didapati perkampungan yang mempunyai sistem jalan raya yang sempurna didapati lebih maju dan moden kerana ia mudah untuk dihubungi. Sedangkan keadaan yang sebaliknya berlaku di kawasan perkampungan yang tidak mempunyai sistem jalan raya yang sempurna.

5.2.0 Jalan Raya

Salah satu dari bentuk sistem perhubungan yang penting merujuk kepada jalan raya. Jalan merupakan satu istilah yang terlalu umum memandangkan terdapat berbagai bentuk dan jenis jalan. Di kalangan masyarakat Orang Asli terdapat berbagai bentuk klasifikasi jalan. Antaranya jalan yang

dibentuk sendiri oleh masyarakat, seperti jalan denai dan jalan kampung. Kedua jalan yang dibina oleh pihak kerajaan seperti jalan JKR, jalan Pejabat Daerah. Selain dari itu terdapat satu lagi jenis jalan iaitu lebuh raya.

Fungsi utama jalan atau jalan raya ialah sebagai penghubung di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Di kalangan masyarakat Orang Asli fungsi jalan merujuk kepada jenis jalan. Misalnya jalan denai dibina dan digunakan untuk memasuki kawasan hutan serta melakukan aktiviti memburu, meramu, dan memungut hasil hutan. Ada kalanya jalan denai ini dapat menghubungkan di antara satu kampung dengan kampung berdekatan. Misalnya kampung Langkap dihubungkan dengan kampung Jubau melalui jalan denai. Sementara jalan raya berfungsi menghubungkan kawasan perkampungan dengan bandar dunia luar.

Pembinaan jalan raya menurut Hood (1982) menimbulkan dua persoalan. Pertama memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli memperolehi pendapatan yang lebih tinggi. Kedua lebih menyulitkan kehidupan masyarakat Orang Asli kesan dari berlakunya hubungan dengan masyarakat luar. Persoalan ini ada kebenaranya kerana dalam sesetengah kes pembinaan jalan raya menyebabkan masyarakat Orang Asli terus menerus ditindas oleh golongan orang tengah, penjaja dan penjual dengan mengenakan harga barang yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna pembinaan jalan raya tidak

perlu dilaksanakan di perkampungan masyarakat Orang Asli bagi mengelakan unsur-unsur negatif terus melanda masyarakat ini.

Di Kampung Langkap tidak terdapat satu bentuk sistem jalan raya yang sempurna dibina. Sebaliknya Kampung Langkap hanya dapat dihubungi melalui sebatang jalan tanah merah yang sering digunakan oleh lori-lori pengangkut pasir dari sebuah lombong pasir berhampiran. Penduduk di sini mendapat rahmat kesan dari pembukaan lombong pasir tersebut. Operasi lombong ini telah membentuk satu laluan yang boleh digunakan oleh pejalan kaki dan kenderaan pacuan empat roda. Walaupun penduduk di Langkap tidak berpeluang bekerja di lombong pasir ini, namun pembukaannya mendatangkan kebaikan. Lombong ini terletak kira-kira 1.5 km dari kampung.

Sebelum jalan baru dibina oleh Pejabat Daerah, jalan ini merupakan laluan utama dan merupakan satu-satunya penghubung masyarakat di Langkap dengan dunia luar. Jalan ini hanya sesuai untuk laluan kenderaan pacuan empat roda kerana keadaan jalannya amat sempit, dikelilingi dengan semak-samun dikiri dan kanan jalan. Ia sering digunakan sebagai laluan utama kenderaan JHEOA dan Kementerian Kesihatan.

Masalah perhubungan dengan dunia luar amat sukar

memandangkan jarak jalan bertanah merah ini dari jalan berturap kira-kira 6.5 km. Ini ditambah lagi dengan ketiadaan sebarang kenderaan untuk keluar masuk. Hanya seorang daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 109 orang yang mempunyai motorsikal. Keadaan motorsikal ini agak daif disebabkan ianya sudah lama dibeli. Oleh itu proses tumpang-menumpang dan pinjam meminjam agak sukar untuk dilakukan.

Penduduk setempat biasanya berjalan kaki sejauh 6.5 km dari kampung menuju ke jalan raya sebelum mereka menaiki bas untuk ke bandar. Bandar yang sering menjadi tumpuan penduduk Langkap ialah Muadzam Shah yang terletak kira-kira 11.5 km. Mereka juga boleh ke bandar Bukit Ibam yang terletak kira-kira 18 km dari kampung. Perjalanan melalui laluan sepanjang 6.5 km ini mengambil masa yang agak panjang bagi penduduk yang berjalan kaki. Ia memerlukan kira-kira 1 1/2 jam - 2 jam , bergantung kepada cara mereka berjalan. Sekiranya perjalanan dilakukan bersama anak-anak dan dalam kumpulan yang ramai, tempoh masa yang diambil lebih lama, iaitu lebih kurang dua jam.

Sekiranya penduduk kampung ingin ke bandar mereka akan memulakan perjalanan dari kampung seawal yang mungkin bagi mengelakan dari ketinggalan bas. Biasanya mereka akan bangun awal dan memulakan perjalanan kira-kira jam 6.00 - 6.30 pagi supaya dapat menaiki bas yang lalu pada kira-kira

jam 8.00 pagi. Mereka hanya akan sampai semula ke kampung pada lewat petang atau malam. Oleh itu tidak hairan sekiranya penduduk di sini jarang ke bandar disebabkan kesulitan perjalanan ini.

Walau bagaimanapun dalam kes-kes kecemasan penduduk kampung masih dapat menggunakan perkhidmatan teksi untuk sampai ke kampung. Perkhidmatan teksi ini boleh diperolehi dari Bandar Muadzam Shah. Namun tambang yang dikenakan oleh pemandu teksi untuk laluan sejauh 11.5 km tersebut amat mahal, kira-kira RM40.00.

Dalam kes yang dialami oleh 'Bapa Kumtum', beliau terpaksa membayar tambang teksi sebanyak RM80.00 untuk membawa anaknya ke klinik. Disebabkan anak 'Bapa Kuntum' tidak dapat berjalan keluar kerana sakit, maka 'Bapa Kumtum' terpaksa ke bandar menjemput teksi dan keluar semula membawa anaknya untuk ke klinik. Perjalanan pergi dan balik melalui laluan sukar ini dikenakan bayaran sebanyak RM80.00.

Kesulitan perhubungan lebih dirasai apabila menjelangnya musim banjir, keadaan jalan menjadi becak dan air bertakung pada jalan yang berlopak dan ini amat merbahaya untuk kenderaan. Kawasan lombong pasir akan turut dipenuhi air dan jalan yang merentasi lombong akan ditenggelami air. Pada musim hujan penduduk di Langkap

terputus hubungan langsung dengan dunia luar. Tidak ada kenderaan jabatan yang boleh keluar masuk untuk sebarang urusan. Keadaan ini dialami setiap tahun menjelangnya musim banjir.

Pada tahun 1994 keadaan banjir besar telah melanda kampung ini dan telah menyebabkan air dari Sungai Lengadai dan air dari lombong pasir melimpah dan jalan yang merentasi lombong terputus. Kampung ini ditenggelami air selama lebih kurang dua bulan dan telah merosakkan tanaman yang baru mengeluarkan hasil. Pihak JHEOA telah menggunakan bot-bot untuk mengahantar bekalan makanan ke kampung ini.

Fenomena di atas tidak berlaku di Kampung Batu Tiga. Kampung ini terletak berjajar disepanjang jalan utama menuju ke Rompin dan merentasi sempadan Negeri Johor di selatan. Keadaan jalan raya di sini jauh lebih baik ditambah lagi dengan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan teksi. Kedudukannya juga tidak jauh dari bandar Rompin iaitu kira-kira 6 km sahaja.

Komuniti Jakun di sini boleh menikmati kemudahan prasarana yang lengkap mengikut kemampuan. Mereka boleh menggunakan sistem pengangkuatan yang disediakan atau menggunakan kendaraan sendiri seperti kereta, motorsikal, atau basikal. Keadaan jalan yang terdapat di Kampung Batu Tiga lebih baik kerana ia dibina oleh pihak JKR. Jalan ini

boleh menghubungkan penduduk Batu Tiga dengan bandar-bandar seperti Nenasi, Pekan, Kuantan, Rompin, Endau, dan Mersing.

Kewujudan sistem jalan raya yang sempurna memberi peluang kepada masyarakat di Batu Tiga untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam. Antara bentuk perkhidmatan awam yang boleh didapati di sini ialah bas dan teksi. Di samping itu terdapat juga perkhidmatan van 'sapu' di kampung ini.

Kadar bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan bas dari Batu Tiga ke Bandar Rompin kira-kira RM1.00 sementara bagi perkhidmatan teksi dan van 'sapu', kadar bayaranya RM2.00. Terdapat dua perkhidmatan bas yang melalui kawasan perkampungan ini, pertama bas dari Nenasi, dan kedua dari Muadzam Shah.

Pada hari minggu didapati lebih banyak perkhidmatan teksi dan van 'sapu' boleh didapati. Ini disebabkan pada hari Ahad lebih ramai penduduk kampung akan ke bandar Rompin kerana pada hari tersebut terdapat pasar minggu. Bilangan penduduk yang akan ke bandar lebih ramai apabila menjelangnya awal bulan, kerana masing-masing baru mendapat gaji. Semua lapisan masyarakat termasuk anak gadis, orang dewasa, dan golongan muda akan ke bandar Rompin untuk membeli keperluan masing-masing.

Bagi penduduk di Batu Tiga jalan raya mempunyai fungsi yang lebih luas. Jalan raya ini digunakan untuk pelbagai aktiviti harian. Misalnya untuk ke bandar Rompin, ke bandar-bandar lain, ke sekolah, ke tempat kerja, ke kedai runcit, serta mengunjungi rakan tauilan.

Sementara bagi penduduk di Langkap, jalan tanah merah yang menghala ke kampung ini mempunyai fungsi yang lebih terhad. Misalnya digunakan oleh penduduk kampung untuk ke bandar atau ke hospital. Ianya lebih kerap digunakan oleh kenderaan jabatan seperti JHEOA, dan Kementerian Kesihatan. Di samping turut digunakan oleh penjaja dan taukeh yang memasuki kampung Langkap.

5.2.1 Bekalan Elektrik

Bekalan elektrik merupakan salah satu dari bentuk kemudahan asas yang amat penting. Menerusi pembangunan umum masyarakat Jakun di Batu Tiga didapati berpeluang menikmati kemudahan bekalan elektrik. Dengan adanya kemudahan bekalan elektrik membolehkan masyarakat meningkatkan kualiti hidup mereka dengan penggunaan berbagai jenis peralatan elektrik.

Bagi penduduk di Langkap, mereka tidak berpeluang menikmati kemudahan menerusi pembangunan umum ini. Masyarakat Jakun di Langkap menggunakan pelita minyak tanah sebagai sumber tenaga cahaya di malam hari. Sementara bagi

peralatan elektrik yang digunakan seperti radio dan televisyen, mereka menggunakan sumber tenaga dari bateri kering dan bateri basah.

Dengan ketiadaan bekalan elektrik masyarakat setempat mengalami masalah keterbatasan mendapatkan maklumat menerusi radio dan telivisyen yang boleh membuka minda kearah mencapai matlamat hidup yang lebih baik dan seiring dengan masyarakat umum lain. Radio dan telivisyen yang menggunakan sumber tenaga dari bateri kering dan bateri basah amat terhad penggunaannya¹.

Bagi penduduk di Batu Tiga kemudahan bekalan elektrik boleh diperolehi sekiranya mereka mampu. Berdasarkan kajian yang dilakukan di kampung ini ramai di antara isi rumah yang mampu menggunakan peralatan elektrik seperti peti sejuk, periuk nasi elektrik, mesin basuh, televisyen, radio, dan sterika. sila rujuk jadual 4.0 untuk melihat pemilikan barang elektrik dikedua-dua kampung Langkap dan Batu Tiga.

Di Kampung Batu Tiga, didapati kesemua televisyen yang berjumlah 34 buah yang dimiliki oleh penduduk kampung menggunakan kuasa yang berasaskan tenaga elektrik. Begitu juga dengan peti sejuk, periuk elektrik, dan sterika.

1. TV hanya akan dipasang selepas pukul 8.30 malam, sementara radio hanya dipasang untuk mendengar lagu-lagu hiburan (menerusi kaset dan siaran radio).

Sementara bagi penggunaan radio masih ada yang menggunakan bateri kering sebagai sumber tenaga.

Jenis Barang	Kg. Batu Tiga (keluarga)	Kg. Langkap (keluarga)
1.TV	34	2
2.Radio	40	10
3.Peti Sejuk	15	-
4.Periuk Nasi	12	-
5.Sterika	8	-
Jumlah	109 buah	12 buah

Jadual 4.0 : Pemilikan Barang Elektrik Di Kedua-dua Kampung Yang Dikaji Mengikut Keluarga.

Sumber : Berdasarkan Kajian.

Jelasnya terdapat perbezaan yang nyata di antara kedua-dua kampung yang dikaji. Kampung Langkap didapati tidak mempunyai sebarang bentuk prasarana yang lengkap jika dibandingkan dengan Kampung Batu Tiga. Perbezaan ini telah membentuk satu struktur masyarakat yang berbeza dari berbagai aspek kehidupan termasuk sosial, ekonomi dan politik pada kedua-dua komuniti ini.

5.2.1.0 Televisyen

Media elektronik ini begitu popular kerana

keupayaannya yang menyeluruh dan menjangkaui semua golongan masyarakat, tidak kira yang kaya, miskin, kenal huruf ataupun yang buta huruf. Kehadiran media elektronik ini telah membentuk satu persekitaran sosial baru dan berupaya membentuk semula tingkah laku. Kesan perubahan yang berlaku didapati akan berbeza-beza mengikut peringkat umur dan jantina. Keupayaannya mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak, orang dewasa, golongan lelaki, dan golongan wanita (Meyrowitz 1985).

Dalam kontek kajian ini pengaruh televisyen jelas kelihatan di kalangan penduduk Kampung Langkap dan Kampung Batu Tiga. Hanya sedikit perbezaan didapati berlaku berhubung dengan kekerapan menonton. Didapati kekerapan menonton lebih memihak kepada golongan lelaki bagi komuniti Jakun di Langkap, berbanding dengan wanita dan kanak-kanak. Bagaimanapun jika dibandingkan kekerapan menonton di antara kedua-dua kampung ini, didapati komuniti Jakun di Batu Tiga lebih kerap menonton televisyen.

Perbezaan kekerapan ini berlaku disebabkan tidak ramai penduduk di Kampung Langkap memiliki televisyen. Dahulunya terdapat dua buah peti televisyen di kampung ini tetapi kini salah satu daripadanya telah rosak. Kini hanya tinggal sebuah sahaja yang dimiliki oleh penduduk kampung dan sebuah lagi dimiliki oleh pekerja lombong pasir yang tinggal di kongsi berhampiran.

Kedudukan rumah pemilik televisyen yang agak jauh, kira-kira 15 - 20 minit perjalan kaki turut menjadi penghalang kekerapan menonton. Sepanjang tiga bulan pengkaji tinggal di Kampung Langkap hanya 3 - 4 kali sahaja penduduk di sini menonton televisyen.

Kebiasaan mereka yang menonton terdiri dari golongan lelaki muda berusia antara 12 - 35 tahun. Bagi golongan wanita dan kanak-kanak, mereka jarang sekali menonton. Antara sebab yang menjadi penghalang ialah jarak yang jauh dan masa yang perlu diambil untuk sampai agak lama. Di samping itu kanak-kanak yang sering tidur awal akan menyulitkan ibu-ibu untuk mendukung, ditambah lagi keadaan jalan yang kurang baik dan malam yang gelap.

Peluang bagi kanak-kanak dan wanita menonton hanyalah ketika Unit Malaria dengan kerjasama bahagian Pendidikan Kesihatan membuat lawatan ke kampung mereka. Penduduk di Kampung Langkap akan berpeluang menonton wayang gambar. Kunjungan 'kereta kelabu'², yang diiringi dengan pembesar suara amat dinanti-nantikan oleh penduduk di sini.

Kekerapan ini jauh bezanya jika dibandingkan dengan penduduk Kampung Batu Tiga. Ini disebabkan penduduk yang

². Kereta Kelabu merujuk kepada Land Rover Kementerian Kesihatan. Sepanjang tiga bulan pengkaji tinggal di Langkap penduduk di sini berpeluang menonton wayang gambar sebanyak dua kali.

memiliki televisyen di Batu Tiga berjumlah 34 buah, manakala di Langkap hanya 2 buah (satu daripadanya telah rosak).

Hampir setiap malam penduduk Batu Tiga menonton. Bagi mereka yang tidak memiliki televisyen sendiri akan menonton di rumah jiran tetangga atau saudara-mara berhampiran. Fenomena menonton beramai-ramai adalah satu pemandangan biasa bagi penduduk Kampung Batu Tiga. Semua golongan termasuk lelaki, wanita, kanak-kanak, dan golongan tua menonton televisyen.

Terdapat program-program televisyen tertentu yang menjadi daya tarikan utama komuniti Jakun di kedua-dua kampung ini. Antara program yang menjadi tarikan utama seperti tayangan gambar Melayu, drama Melayu, rancangan hiburan, gusti, tayangan gambar Hindi, dan tayangan gambar Inggeris. Tayangan gambar Melayu khususnya yang dilakukan oleh Seniman Agong P. Ramle dan rancangan gusti paling diminati oleh semua golongan. Kunjungan penonton pada malam-malam yang menyiarakan rancangan yang diminati menjadi lebih ramai. Sementara tayangan gambar Hindi lebih kerap ditonton oleh golongan wanita dan kanak-kanak, disebabkan rancangan ini ditayangkan pada waktu siang hari.

Sementara tayangan gambar Inggeris lebih diminati oleh golongan remaja belasan tahun. walaupun ada di antara

mereka tidak bersekolah dan tidak boleh membaca, namun setiap program televisyen yang diminati tetap diketahui melalui iklan yang menghebahkan program-program tersebut. Sekiranya sesuatu program dirasakan menarik mereka akan menghebahkan kepada yang berminat untuk sama-sama menonton.

5.2.1.1 Radio

Penggunaan radio agak meluas dikedua-dua kampung, dan bagi penduduk Kampung Batu Tiga hampir semua rumah mempunyai radio dan alat perakam sendiri. Di Langkap Keadaannya berbeza, tidak semua penduduk Kampung Langkap memiliki radio dan alat perakam. Walaupun begitu disebabkan kedudukan rumah-rumah di Langkap berdekatan dan berkelompok, maka kesan penerimaan siaran meliputi seluruh penduduk.

Jika sesebuah radio dipasang boleh dikatakan hampir kesemua jiran tetangga dapat mendengar dengan jelas. Antara siaran yang dapat diterima ialah Radio Satu, Radio Tiga Johor Bahru, dan Radio Muzik.

Radio dan alat perakam kaset juga penting ketika majlis keraian seperti majlis perkahwinan, jamuan atau kenduri, atau upacara kesyukuran. Perakam kaset digunakan sebagai ganti alat muzik traditional untuk upacara

berjoget. Walaupun penggunaan alat perakan kaset ini tidak begitu digemari oleh golongan tua khususnya, namun ia tetap berfungsi ketika majlis-majlis ini berlangsung.

Kebiasaananya perakan kaset ini akan digunakan oleh golongan muda-mudi untuk menari *rock* selepas upacara berjoget selesai. Kegilaan golongan muda-mudi terhadap *rock* terbukti melalui rentak tari yang digayakan. Melalui rentak tari yang digayakan, didapati mereka meniru gaya penari-penari 60-an, 70-an dan 80-an yang ditonton melalui televisyen. Istilah *rock* ini bagi masyarakat ini merujuk kepada irama selain dari irama joget, tidak kira lagu Melayu atau Inggeris ia tetap dinamakan *rock*.

Setiap kali majlis berjoget diadakan pasti alat perakan kaset digunakan khusus untuk sesi selepas berjoget atau dinamakan sesi *rock*. Semua anak muda, anak gadis, dan golongan kanak-kanak khususnya di Kampung Batu Tiga tidak sabar-sabar menantikan sesi *rock* ini. Tanpa rasa malu atau janggal mereka melonjak-lonjukkan badan menari mengikut irama dengan berbagai irama termasuk *twist*, dan *rock and roll* (lihar gambar 26). Di Kampung Langkap irama *rock* inilebih popular di kalangan golongan muda sahaja, dan tidak popular di kalangan golongan gadis dan kanak-kanak (lihat gambar 27). Penerimaan irama *rock* di sini berlaku di kalangan golongan muda yang pernah bercampur dengan masyarakat luar, dan komuniti Jakun di luar daripada



Gambar 26 : Remaja Orang Asli Ini Sedang Menari Mengikut
Rentak yang dinamakan *Rock*

Gambar 27 : Kanak-Kanak Ini Turut Sama Mengambil Bahagian
Dalam Berjoget.



5.2.1.2 Lain-Lain Peralatan Elektrik

Penyaluran bekalan elektrik turut memberi peluang kepada mereka yang berkemampuan memiliki barang elektrik seperti peti sejuk, dan periuk nasi elektrik. Barang ini mampu memudahkan kerja-kerja rumah serta dapat menjimatkan masa.

Berdasarkan jadual 4.0 didapati 19% daripada isi rumah di Batu Tiga mempunyai periuk nasi elektrik. selebihnya menggunakan dapur arang, dapur gas, dan dapur kayu. Bagi suri rumah yang menggunakan dapur arang, mereka boleh mendapatkan bekalan arang daripada penjual berhampiran. Harga bagi satu guni arang ialah antara RM8.00 - RM10.00, sementara bagi mereka yang menggunakan kayu api, mereka boleh mendapatkan bekalan kayu api dari hutan berdekatan.

Didapati lebih ramai suri rumah menggunakan dapur arang berbanding dengan dapur kayu api. Keadaan ini disebabkan masalah kesukaran untuk ke hutan berhampiran yang terpaksa merentasi kawasan berpaya.

Bilangan isi rumah yang memiliki peti sejuk di Kampung Batu Tiga berjumlah 23.8%. Jumlah ini lebih besar berbanding dengan jumlah isi rumah yang memiliki periuk nasi elektrik.

5.2.2 Bekalan Air Bersih

JBA atau Jabatan Bekalan Air merupakan agensi pembekal air utama bagi penduduk negara ini. Punca utama air diperolehi sama ada dari kawasan tadahan, sungai, dan kolam akan disalurkan ke loji sebelum disalurkan kepada orang ramai.

Sepanjang tahun 1992 pihak JBA telah berjaya menghasilkan kapisiti pengeluaran yang boleh menampung bekalan air kepada 95% daripada jumlah penduduk di Negeri Pahang (Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Pahang, 1993).

Pihak JBA Negeri Pahang mengawal 77 loji air yang tersaput di negeri ini. Rangkaian saluran paip JBA turut melalui kawasan perkampungan Orang Asli Batu Tiga. Dengan ini ia memberi peluang kepada penduduk di Batu Tiga memperolehi bekalan air bersih yang disalurkan oleh JBA.

Berdasarkan kajian yang dijalankan didapati hanya terdapat enam buah isi rumah sahaja yang mendapat bekalan air bersih di Batu Tiga. Jumlah ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan bilangan isi rumah yang terdapat di Batu Tiga.

Bilangan isi rumah yang selebihnya menggunakan air

dari perigi yang digali sendiri atau yang digali oleh pihak JHEOA. Setiap isi rumah di Batu Tiga mempunyai sekurang-kurangnya satu perigi berhampiran dengan rumah atau di dalam rumah.

Di kampung ini juga terdapat telaga pam yang digali oleh pihak Pejabat Kesihatan. Walau bagaimanapun perigi pam ini sudah tidak dapat digunakan lagi. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah Rompin, telaga pam ini tidak akan dibaiki lagi memandangkan penduduk kampung boleh mendapatkan bekalan air bersih yang disalurkan oleh JBA.

Keadaan sebaliknya berlaku di Kampung Langkap. Tidak terdapat saluran paip JBA yang merentasi kampung ini. Sebaliknya seluruh penduduk kampung menggunakan sumber air dari sebatang sungai berhampiran kampung ini.

Kedudukan sungai ini terletak kira-kira 100m dari kawasan kampung. Terdapat tiga stesyen utama yang dijadikan pengkalan oleh penduduk kampung. Di ketiga-tiga stesyen ini penduduk kampung menjadikannya sebagai tempat untuk mandi, mencuci pakaian, mengangkat air, dan merendam ubi kayu. Keadaan air sungai ini cetek dan mengalir perlahan serta warna airnya yang kelihatan kekuning-kuningan seperti warna minyak masak (lihat gambar 28).



Gambar 28 : Sungai Yang Menjadi Sumber Utama Mendapatkan Bekalan Air Oleh Penduduk Langkap.

Menyedari ketiadaan sumber bekalan air bersih di Kampung Langkap, telah menyebabkan pihak Kementerian Kesihatan menghantar Unit Penggerudi pada tahun 1994. Walau bagaimanapun disebabkan masalah sistem jalan raya yang tidak baik telah menyebabkan usaha Unit Penggerudi menemui jalan buntu. Keadaan ini berlaku ekoran dari jambatan kayu yang terletak di pertengahan lombong telah patah. Keadaan ini disebabkan jambatan tersebut tidak mampu menampung beban berat alat penggerudi seberat kira-kira tiga tan.

5.2.3 Telefon

Penggunaan telefon juga merupakan salah satu dari alat

komunikasi penting pada hari ini. Perkembangan teknologi satelit kini telah berupaya memperluaskan penggunaan peralatan komunikasi ini, dan kini merangkumi seluruh pelusuk negeri. Masyarakat Orang Asli juga tidak ketinggalan dalam menikmati kemudahan telefon.

Bagi Penduduk di Batu Tiga yang berkemampuan mengambil peluang ini untuk memasang telefon di rumah masing-masing. Walaupun penggunaannya tidak meluas, namun kesan dan pengaruh penggunaannya kelihatan di kedua-dua kampung.

Bagi mereka yang berkeupayaan memiliki telefon, fungsi dan peranan penggunaan alat komunikasi ini terbukti. Di Kampung Batu Tiga sehingga kajian selesai dilakukan terdapat 5 buah rumah mempunyai kemudahan ini.

Penggunaan telefon ini tidak terhad kepada mereka yang memiliki alat komunikasi ini sahaja malah jiran tetangga turut merasainya. Sesiapa sahaja boleh menggunakan kemudahan ini dengan syarat membayar jumlah caj panggilan berdasarkan tempat panggilan dibuat. Jumlah yang dibayar biasanya hanya berdasarkan anggaran sahaja.

Aktiviti penebangan hutan yang berleluasa adakalanya dilakukan di kawasan berhampiran kawasan penempatan Orang Asli. Kegiatan ini dilakukan untuk tujuan pembalakan, pembinaan jalan raya dan lebuh raya, pembinaan empangan,

atau untuk tujuan pembukaan ladang getah dan kelapa sawit.

5.3 Penebangan Hutan

Pada dasarnya aktiviti penebangan hutan untuk tujuan yang disebutkan di atas adalah baik. Namun sekiranya dilakukan secara berleluasa tanpa pengawalan yang sempurna ia boleh mendatangkan kemudarat. Kemudarat yang berlaku boleh menyebabkan hakisan tanah, aliran air bawah tanah, banjir, kemasuhan hutan, kepupusan binatang hutan, dan penebangan haram.

Penebangan hutan tanpa kawalan meninggalkan kesan sampingan kepada semua lapisan masyarakat, khususnya masyarakat Orang Asli yang mendiami dan bergantung hidup kepada hutan. Di kalangan komuniti Jakun di Langkap aktiviti penebangan hutan khususnya untuk tujuan pembalakan telah menyebabkan mereka kehilangan sumber rezeki. Sebahagian daripada pokok-pokok buluh yang terletak berhampiran dengan kawasan penebangan hutan dilakukan, habis musnah. Pokok-pokok buluh juga turut musnah semasa kerja-kerja pembukaan jalan balak dilakukan.

Aktiviti penebangan hutan tanpa kawalan turut menyebabkan sumber air masyarakat Orang Asli tercemar. Air sungai menjadi berkeladak dan berwarna serta tidak selamat untuk diminum. Di samping itu kesan lain yang diterima oleh penduduk di Langkap melibatkan kepupusan binatang hutan

yang boleh dijadikan makanan.

Bagi penduduk Batu Tiga kesan aktiviti penebangan hutan kurang dirasai oleh mereka. Keadaan ini disebabkan kegiatan penebangan hutan di kawasan berhampiran kawasan perkampungan mereka kurang ketara.

5.4 Perubahan Yang Berlaku Kesan Dari Pembangunan Umum

Umumnya masyarakat Orang Asli sering digambarkan dengan imej yang mempunyai pertalian rapat dengan hutan, mengamalkan cara hidup primitif, dan menjalankan aktiviti ekonomi cukup hidup (Gomes dan William-Hunt 1993). Walau bagaimanapun gambaran seperti ini beransur-ansur berubah dengan adanya proses pembangunan pesat termasuk yang dirancang dan pembangunan umum yang berlaku di negara kita.

Bentuk perhubungan masyarakat Orang Asli dengan sumber semula jadi telah mengalami perubahan. Misalnya bentuk perhubungan antara individu dengan faktor-faktor pengeluaran seperti tanah, tenaga buruh, dan modal. Bentuk kerjasama di kalangan anggota komuniti dalam kerja-kerja pertanian mula berubah kepada bentuk yang lebih individualistik.

Dengan kata lain segala aktiviti lebih difokuskan kepada kumpulan domestik bagi menghasilkan pengeluaran.

Seterusnya apabila kumpulan domestik ini membentuk hubungan dengan dunia luar yang meliputi kumpulan komuniti yang lebih luas, satu bentuk struktur hubungan yang baru terbentuk (Couillard 1980). Bentuk hubungan dengan dunia luar terhasil menerusi penjualan hasil-hasil dari hutan, pembelian barang keperluan, hubungan dengan rakan sekerja, hubungan dengan masyarakat umum, dan lain-lain.

Penyediaan kemudahan prasarana di bawah program pembangunan umum, memperlihatkan satu lagi tahap perubahan yang ketara. Kewujudan sistem jalan raya, sistem pengangkutan, kemudahan bekalan elektrik, air bersih, memperkuuhkan lagi perubahan yang berlaku. Akhir sekali perubahan yang berlaku juga dilihat berdasarkan pengaruh surat kahbar, majalah, televisyen, dan telefon. Unsur-unsur ini telah membenarkan budaya asing menembusi dan mempengaruhi masyarakat ini dan akhirnya membawa kepada perubahan.

Perubahan sosial yang berlaku di kalangan komuniti Orang Asli khususnya suku Jakun, bermula dengan perubahan kegiatan ekonomi. Bermula dengan kegiatan ekonomi sara diri dan kini berubah kepada ekonomi pasaran, telah menyebabkan segalanya berubah. Tanpa pergantungan terhadap ekonomi pasaran segalanya perubahan tidak mungkin berlaku (Couillard 1980). Dunia luar tidak berupaya meninggalkan kesan yang drastik kepada masyarakat ini.

Selain dari perubahan corak kegiatan ekonomi, kemudahan prasarana atau infrastruktur, dan pendidikan, dikatakan sebagai penyebab utama yang membawa kepada perubahan sosial. Peranan media massa juga tidak kurang pentingnya dalam membawa perubahan. Walaupun pengaruh media massa membawa perubahan yang berskala kecil (Buchholt & Mai 1994, Randell & Stasser 1981, Coser 1967, dan Moore 1963), namun kesannya tetap dapat dilihat dan dirasai. Perubahan yang berlaku agak terhad, bersifat mikro, dan kebiasaannya melibatkan perubahan dari segi struktur dan peranan organisasi.

Media massa hari ini berperanan sebagai penyampai maklumat utama kepada semua lapisan masyarakat. Tidak kira media elektronik atau media cetak, masing-masing punya peranan dan fungsi yang boleh mengakibatkan perubahan berlaku. Media dikatakan berupaya membawa persekitaran sosial yang baru dan melibatkan bentuk-bentuk tindakan sosial baru, perasaan dan kepercayaan baru (Meyrowitz 1985).

Dua perkara yang harus diteliti berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh media;

- i. Bagaimana perubahan yang dibawa oleh media berupaya merubah persekitaran sosial.

ii. Apakah kesan perubahan persekitaran sosial terhadap tingkah laku manusia.

Pendekatan yang digunakan oleh Meyrowitz ada kebenarannya, dan ia dapat membuktikan tentang fenomena perubahan yang berlaku. Meyrowitz (1985) mengistilahkan sebagai *medium theory*, beliau mendapati media berperanan penting dalam membawa perubahan.

Media komunikasi yang berbeza dikatakan membentuk persekitaran budaya yang berbeza. Antara bentuk media yang dibincangkan oleh Meyrowitz meliputi media cetak dan media elektronik seperti televisyen, radio, telefon, surat khabar, dan majalah.

Bentuk-bentuk perubahan yang berlaku pada dasarnya merangkumi seluruh aspek kehidupan suku Jakun yang dikaji. Dalam kajian kes ini Kampung Batu Tiga dijadikan petunjuk kepada perubahan sosial yang berlaku. Sementara Kampung Langkap dijadikan perbandingan dalam melihat unsur-unsur tradisi yang masih kekal. Perubahan sosial yang berlaku akan dibincangkan berdasarkan kesan pengaruh pembangunan umum. Pembangunan umum membawa kepada pembentukan hubungan baru, penggunaan peralatan elektrik, pendedahan dengan medi massa, dan akhirnya membawa kepada perubahan.

Walau bagaimanapun didapati perbincangan berhubung

dengan kesan pengaruh media elektronik dan media cetak ini tidak dapat dihuraikan secara berasingan. Sebaliknya ia saling berkaitan dan saling bertindanan di antara satu dengan lain.

Pengaruh televisyen contohnya telah meninggalkan kesan kepada masyarakat Jakun di Langkap dan Batu Tiga khususnya dari segi pemberian nama anak-anak. Melalui apa yang dilihat, didengar, dan dibaca, didapati masyarakat ini telah memperlihatkan satu bentuk perubahan nama anak-anak. Jika di kalangan masyarakat tradisi, pemberian nama kepada bayi yang baru lahir adalah berdasarkan kepada persekitaran semula jadi seperti nama pokok, nama bunga, nama burung, dan lain-lain.

Pengaruh persekitaran baru yang terbentuk melalui media elektronik dan media cetak, didapati pola ini telah berubah. Nama-nama seperti Kuntum, Sena, Rendang, Rintik, Angkut, dan Kudung sudah semakin kurang popular. Sebaliknya nama-nama orang terkenal, sama ada penyanyi, pelakon, menteri atau orang ternama menjadi ikutan. Kini nama-nama baru muncul, antaranya Sharifah Aini, Ramona, Awie, Era Fazira, Mahathir, dan Lady D.

Kemunculan nama-nama baru ini jelas memperlihatkan kesan pengaruh pelbagai jenis media yang dilihat, dipandang, dan didengar. Melalui apa yang dipandang,

dilihat, dan didengar telah diaplikasikan ke dalam kegiatan harian.

Pengaruh penggunaan radio juga dapat dikesan dan didapati agak meluas dikedua-dua kampung yang dikaji. Kesan paling ketara berlaku di kalangan kanak-kanak dan golongan remaja.

Kanak-kanak berumur 5 tahun sudah boleh menyanyikan lagu-lagu popular dengan baik. Alunan suara mereka mendendangkan lagu-lagu cukup mengasyikan, di samping sebutan lirik yang seiring dengan irama yang didendangkan.

Keupayaan kanak-kanak ini menyanyikan lagu-lagu ini benar-benar membuatkan pengkaji terpegun, tetapi awas kemunculan orang asing akan menyebabkan dendangan lagu yang dinyanyikan akan terhenti serta merta. Oleh itu sekiranya ingin mendengar alunan suara mereka menyanyi elakan diri daripada di lihat atau diketahui oleh mereka.

Melalui lagu-lagu yang didengar dan didendangkan turut membantu kanak-kanak Jakun ini menguasai dan memahami Bahasa Melayu dengan baik, khususnya di kalangan kanak-kanak di Langkap. Perlu dijelaskan di sini, bahawa komuniti Jakun di Kampung Langkap kurang berkomunikasi dengan komuniti luar. Dengan ini pendedahan mereka dengan Bahasa Melayu yang dituturkan oleh Orang Melayu juga kurang.

Mereka boleh memahami apa yang dituturkan oleh Orang Melayu tetapi tidak dapat menuturnya dengan lebih baik disebabkan jarang menggunakan Bahasa Melayu yang digunakan oleh Orang Melayu. Penguasaan Bahasa Melayu baku ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh lagu-lagu yang didengar melalui radio dan televisyen.

Radio turut berfungsi sebagai salah satu dari media elektronik yang menggalakan sesetengah individu dapat memperkayakan pengumpulan seni berpantun. Bagi masyarakat Jakun pantun begitu penting khususnya bagi tujuan bersukaria ketika berjoget. Berjoget merupakan upacara tradisi komuniti ini khususnya apabila mereka menyambut berita gembira atau sebagai tanda kesyukuran. Ia sering diadakan ketika menyambut kelahiran bayi, perkahwinan, menyambut Tahun Baru, ketika mengadakan jamuan atau kenduri, ketika upacara bela kampung, dan ketika meraikan seseorang.

Keupayaan mereka menjual dan membeli pantun cukup mengagumkan. Adalah menjadi satu perkara aib sekiranya pantun yang dijual tidak dibeli. Amalan berpantun ini diwarisi dari generasi tua kepada generasi muda sehingga ke hari ini. Fenomena ini begitu ketara di Kampung Langkap, didapati kanak-kanak berusia 10 - 15 tahun sudah bijak berpantun (sila rujuk lampiran 2). Pengkaji benar-benar kagum dengan kemahiran komuniti ini berpantun. Pantun-pantun yang dilampirkan ini diperolehi dari Remlah seorang

anak muda dari Kampung Langkap. Menurut Remlah beliau mempelajari pantun-pantun ini dari berbagai sumber, antaranya yang diwarisi dari generasi tua, yang didengari menerusi ruangan berpantun di Radio Tiga Johor Bahru, dan dari majalah.

Menerusi penggunaan barang elektrik seperti peti sejuk, didapati para suri rumah dapat menjimatkan wang dan masa. Kesan ini paling ketara berlaku di kalangan mereka yang memiliki barang elektrik ini.

Penjimatan wang boleh berlaku apabila suri rumah membeli ikan dan sayuran dalam kuantiti yang lebih banyak lalu disimpan untuk bekalan dua atau tiga hari. Pembelian dalam kuantiti yang banyak dan murah boleh dibeli dari pasar minggu atau dari pasar malam berhampiran. Apabila ikan dan sayur ingin di masak, mereka hanya perlu mengambil kira berapa ahli keluarga yang ada dan akan makan bersama. Keadaan ini dapat mengelakan dari berlaku pembaziran.

Penjimatan wang juga boleh berlaku khususnya di kalangan anggota keluarga yang bekerja di kilang baja. Seperti yang telah dijelaskan, kilang baja yang dimaksudkan memproses ikan untuk dijadikan baja tanaman. Oleh itu setiap hari sekiranya ikan yang akan proses terdiri dari ikan yang masih elok, maka mereka akan membawa pulang ke rumah.

Bagi mereka yang memiliki kemudahan peti sejuk, ikan-ikan ini dapat disimpan untuk kegunaan harian tanpa perlu mengeluarkan wang untuk membelinya. Menurut salah seorang daripada suri rumah yang terlibat, beliau menyatakan;

'Amai tak pernah keluar duit untuk beli ikon, selalunya mamak yang bawak balik dari tempat kerjak, sudah bilang tahun tak beli ikon, kalau ikon nyop dalam petik, dan mamak cutik, amai sama mamak memancing'

Atau dalam Bahasa Melayunya,

'Makcik tak pernah keluar duit untuk membeli ikan, selalunya pakcik yang membawa pulang ikan dari tempat kerja, sudah banyak tahun tak pernah membeli ikan, kalu ikan tidak ada di dalam peti sejuk, dan kebetulan pakcik bercuti, makcik dan pakcik akan pergi memancing'

Dari segi penjimatan masa, para suri rumah tidak perlu membuang masa setiap hari menunggu penjual ikan dan sayur. Masa yang dihabiskan untuk menunggu boleh digunakan untuk kerja-kerja yang lebih berfaedah seperti mengemas, mencuci pakaian, dan lain-lain.

Penyediaan bekalan air bersih memperlihatkan perubahan

yang nyata di antara penduduk di Batu Tiga dan Langkap. Di kalangan penduduk di Batu Tiga bekalan air bersih diperolehi menerusi saluran paib JBA dan perigi. Sementara di Langkap bekalan air diperolehi dari sungai.

Penggunaan air dari sumber yang berlainan memperlihatkan sedikit perbezaan di antara keduanya. Misalannya dari segi kebersihan diri dan kebersihan pakaian. Air yang bersih dan jernih menghasilkan pakaian yang dicuci juga lebih bersih. Sementara air yang berwarna menghasilkan cucian yang kurang bersih.

Penggunaan air sungai sebagai sumber bekalan air utama penduduk di Langkap, memperlihatkan berbagai kesan. Antaranya air yang berbau, air yang berwarna, dan air yang boleh menyebabkan penyakit.

Didapati air sungai yang digunakan oleh penduduk di Langkap berbau busuk. Bau ini datangnya dari bekas-bekas ubi kayu yang direndam di tepi tebing sungai. Bau busuk dikeluarkan oleh kayu ubi yang direndam selama sekurang-kurangnya satu minggu akan melekat pada pakaian dan badan. Walaupun sabun digunakan untuk mencuci dan mandi, namun bau busuk tetap melekat pada badan dan pakaian (lihat gambar 29).

Air sungai yang berwarna kekuning-kuningan juga

didapati meninggalkan kesan pada pakaian dan kulit. Air sungai yang berwarna dipengaruhi oleh kesan sampingan yang disebabkan oleh aktiviti penebangan hutan di kawasan berhampiran (lihat gambar 30). Misalnya warna kulit akan bertukar menjadi lebih gelap³. Sementara warna pakaian khususnya yang berwarna cerah turut berubah dengan hanya dua atau tiga kali basuhan. Warna pakaian akan bertukar menjadi kekuning-kuningan, dan kusam.



Gambar 29 : Sungai Juga Turut Dijadikan Tempat Merendam Ubi Kayu. Di Sebelah Wanita Ini Kelihatan Guni-Guni Ubi Kayu Yang Direndam.

³. Pengkaji sendiri mengalami masalah ini. Keadaan ini diakui oleh rakan-rakan pengkaji apabila melihat perubahan warna kulit pengkaji.



Gambar 30 : Sumber Air yang Tercemar Kesan Dari Aktiviti Penebangan Hutan di Langkap.

Penggunaan air sungai sebagai sumber air minuman turut meninggalkan kesan buruk kepada penduduk di Langkap. Pelbagai jenis penyakit bawaan air boleh menjangkiti penduduk apabila menggunakan air dari sungai khususnya yang tidak dimasak. Antara penyakit yang sering dialami oleh penduduk khususnya kanak-kanak seperti cirit-birit dan cacing.

Penggunaan telefon sebagai salah satu dari alat komunikasi penting pada hari turut sama dirasai oleh masyarakat Orang Asli. Kesan yang paling ketara menerusi penggunaan alat ini boleh mengurangkan kekerapan bertemu

muka di antara mereka yang sama-sama menggunakan kemudahan ini.

Bagi golongan muda-mudi yang berhijrah dan bekerja di bandar-bandar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, dan Singapura, penggunaan telefon mengurangkan kekerapan mereka pulang ke kampung. Walaupun begitu hubungan erat di antara anak-anak dan anggota keluarga masih boleh dipertahankan.

Bagi penduduk di Langkap, walaupun mereka tidak berupaya menyalurkan talian telefon ke kawasan perkampungan. Namun penggunaan alat ini turut meninggalkan kesan kepada mereka.

Bagi penduduk di Langkap kepentingan telefon begitu dirasai khususnya di dalam urusan penjualan dan pembelian buluh. Dengan adanya kemudahan ini peluang mereka mendapatkan wang menjadi lebih mudah. Misalnya jika sebelum adanya kemudahan ini buluh-buluh yang telah siap dipotong akan dibiarkan sehingga taukeh datang mengambilnya. Ada kalanya buluh-buluh yang telah siap dipotong ini dibiarkan kering tanpa sempat dijual. Tetapi dengan adanya kemudahan telefon, penduduk kampung boleh ke bandar Muadzam atau Bukit Ibam untuk menalefon taukeh supaya datang mengambil buluh-buluh yang siap dipotong.

Dalam hal ini didapati fungsi telefon begitu penting

kepada penduduk di Langkap kerana ia dapat mempengaruhi faktor ekonomi. Sekiranya penduduk menghadapi masalah ketiadaan wang mereka boleh memotong buluh secara lebih intensif dan menelefon taukeh untuk datang membelinya.

Peranan dan fungsi media cetak sebagai salah satu daripada faktor yang membawa perubahan kepada masyarakat Jakun sememangnya tidak dapat dinafikan. Walaupun didapati kadar celik huruf dikedua-dua kampung yang dikaji berada pada tahap yang rendah, namun ini tidak bermakna media ini tidak berperanan.

Surat khabar dan majalah turut sama memberi implikasi kepada komuniti yang dikaji walaupun tidak melibatkan perubahan yang besar. Berdasarkan analisa teori medium didapati media dan perubahan sosial bukan melibatkan perubahan secara tiba-tiba atau perubahan yang menyeluruh. Perubahan yang berlaku adakalanya mengambil masa yang lama dan hanya melibatkan perubahan aspek-aspek tertentu sahaja. Ini bermakna setiap media punya peranan tersendiri dan saling bertindanan dalam melibatkan perubahan yang berlaku.

Seperkara yang amat menarik berlaku dikedua-dua kampung ini, didapati ada di antara penduduk di sini tidak pernah menjakkan kaki mereka ke sekolah, tetapi berupaya menulis dan membaca. Skil menulis dan membaca ini dipelajari secara tidak formal daripada rakan-rakan

sekampung atau rakan sekerja. Kemudian skil ini diperkuuhkan dengan menjadikan surat khabar dan majalah sebagai bahan bacaan. Contoh yang paling jelas boleh diambil kira berdasarkan apa yang berlaku di Kampung Langkap.

Sena dan Remlah merupakan model contoh kepada fenomena ini. Kedua-duanya belajar menulis dan membaca daripada rakan sekerja mereka semasa mereka menjadi buruh binaan suatu masa dahulu. Kemudian mereka menjadikan surat khabar lama dan majalah sebagai bahan bacaan untuk melancarkan pembacaan mereka.

Skil ini dikembangkan lagi dan menyebabkan empat orang daripada pemuda di Kampung Langkap ini telah berusaha mempelajari dan mengenal huruf. Hasil dari usaha gigih mereka akhirnya mereka berjaya dalam usaha mereka. Skil ini digunakan untuk menyalin lirik lagu atau pantun yang didengari menerusi radio. Namun disebabkan mereka jarang memperolehi bahan bacaan maka keupayaan mereka membaca dengan lancar terbatas. Kunjungan mereka ke bandar seperti Bukit Ibam atau bandar Muadzam Shah sekali-sekala mempengaruhi mereka untuk membeli majalah berbentuk hiburan seperti Utusan Radio dan Televisyen, Pesta, dan Varia Pop.

Seterusnya kesan yang boleh dilihat menerusi pendedahan golongan muda dengan majalah, boleh diperhatikan

menerusi gaya rambut dan cara berpakaian. Fesyen yang menjadi ikutan mereka biasanya mengikut gaya artis-artis muda atau lebih dikenali dengan penyanyi *rock*.

Keadaan yang hampir sama juga berlaku di Kampung Batu Tiga, surat kahbar dan majalah sedikit sebanyak telah mempengaruhi cara hidup mereka. Majalah hiburan menjadi bahan bacaan golongan muda, sementara surat khabar menjadi bahan rujukan bagi golongan lelaki pertengahan umur.

Surat khabar dibeli bukan untuk dijadikan sebagai bahan bacaan, sebaliknya sekadar untuk merujuk nombor ramalan. Kebiasaan penduduk di Batu Tiga akan membeli surat khabar setiap hari Khamis untuk merujuk nombor ramalan yang memenangi hadiah. Apa yang berlaku, walau pun mereka ini digolongkan sebagai buta huruf, namun mereka masih mampu mengenal dan menulis angka. Surat khabar akan menjadi bahan pembungkus selepas nombor ramalan dirujuk.

Namun bagi penduduk yang mengenal huruf, surat khabar dan majalah berperanan sebagai salah satu daripada saluran untuk mendapatkan maklumat. Mereka berupaya mengembangkan minda dan mengetahui perkembangan maklumat semasa.